

## **ANALISIS TEKS MELALUI PENTERJEMAHAN DUA BAHASA**

<sup>1</sup>Suraya Amirrudi dan <sup>2</sup>Normaliza Abd Rahim

<sup>1</sup>*Infrastructure University Kuala Lumpur*

<sup>2</sup>*Universiti Putra Malaysia*

---

### **ABSTRAK**

Bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya. Pengetahuan bahasa sememangnya sesuatu yang amat penting dalam aktiviti komunikasi dalam masyarakat. Bahasa yang dikuasai seseorang individu melambangkan identiti dan jati dirinya. Pengetahuan bahasa tidak hanya terbatas kepada satu bahasa sahaja malah masyarakat digalakkan untuk menguasai lebih daripada satu bahasa. Pelopor-pelopor dalam bidang penterjemahan ini sebulat suara menyatakan penterjemah yang baik mesti menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran sebaik mungkin termasuk segala aspek linguistik bahasa sumber. Proses menterjemah sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain merupakan perkara yang agak rumit. Tahap kepakaran yang tinggi diperlukan agar maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan mudah oleh pembaca sasaran dan dapat mengelakkan daripada melakukan kesalahan. Kajian ini dijalankan dengan menganalisis sajak-sajak dan teks-teks yang telah diterjemah oleh sekumpulan pelajar dari sebuah univerrisiti awam di Lembah Kelang. Kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti ialah pemilihan kaedah penterjemahan, makna/diksi (leksikal) dan struktur frasa atau ayat (struktural). Keputusan menunjukkan (lima daripada enam kumpulan.) ahli-ahli kumpulan melakukan kesalahan-kesalahn tersebut. Hanya kumpulan tiga sahaja yang kurang melakukan kesalahan didalam tugasn mereka. Di dalam perbincangan dan perkaitan dengan teori, didapati ahli-ahli kumpulan tiga majoritinya boleh berhasa Ingggris dengan baik. Perbandingan diantara pelajar-pelajar yang mahir menggunakan kedua-dua bahasa dengan yang tidak ini jelas kelihatan.

**Kata kunci:** *penterjemahan, dua bahasa, analisis kesalahan, bahasa sumber, bahasa sasaran*

### **ABSTRACT**

Language mirrors the culture of its people. Possessing good knowledge about the language is seen as important to help the communication activity in the community. The language in us symbolises our identity. We should not limit ourselves to only one language instead we should aim to be the multilingual speakers. The scholars in the field of translation have emphasised on the importance of translators to have the mastery in the languages used especially the language for both the source text and the target text. The translation process is indeed a complicated process because it involves many aspects including the linguistics, grammar, culture and many more. Therefore, acquiring the required level is adamant to the translators in avoiding from making errors and maintaining the quality of the translation. This study was done to identify the errors made by a group of students in their assingments when doing the analysis and translation of poems and texts. The sample was students from a public university in the Klang Valley. The errors to be identified from the students' assignments were; methods of translation, meaning/diction (lexical) and phrase and sentence structure (structural) errors. The results showed that members from five of the six groups made all of those errors when analysing and translating the poems and texts. It was also found that only group three made the least errors. During the discussion, the researchers discovered that majority of the group members in group three were proficient in the English language. It is learnt that, the differences were obvious between groups whose members were proficient and those who were not.

**Keywords:** *translation, bilingual, error analysis, source language, target language*

## **PENGENALAN**

Bahasa ialah medium perhubungan antara seorang individu dengan individu yang lain. Melalui bahasa, manusia dapat berhubung dan berinteraksi sesama mereka. Asmah Haji Omar (1988) tokoh linguistik melayu menyatakan bahasa merupakan firasat atau petunjuk kepada sesuatu kebudayaan. Lebih ringkas lagi bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya. Bahasa pertama yang dipelajari oleh seseorang individu ialah bahasa ibunda, iaitu bahasa yang diperoleh atau dipelajari oleh bayi atau kanak-kanak melalui ibunya. Menurut Krashen (1989), pemerolehan bahasa ialah prose penerimaan pengetahuan mengenai bahasa tanpa sedar dan ianya berlaku didalam otak melalui proses komunikasi. Manakala, pengetahuan bahasa sememangnya sesuatu yang amat penting dalam aktiviti komunikasi dalam masyarakat. Bahasa yang dikuasai seseorang individu melambangkan identiti dan jati dirinya, pengetahuan bahasa tidak hanya terbatas kepada satu bahasa sahaja malah masyarakat digalakkan untuk menguasai lebih daripada satu bahasa. Di Malaysia, bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua yang dituturkan oleh kebanyakan masyarakat. Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), “bahasa kedua ialah sebarang bahasa yang dipelajari selepas bahasa pertama atau bahasa ibunda dan pemerolehan bahasa kedua merujuk kepada proses seseorang mempelajari bahasa yang selain daripada bahasa ibunda. Pengetahuan bahasa kedua amat dititikberatkan dalam usaha untuk mempelajari lebih daripada satu bahasa atau dikenali sebagai dwibahasa. Perbezaan budaya dan pemahaman masyarakat yang berbeza dalam masyarakat multi-bahasa telah membawa kepada usaha menghasilkan terjemahan bahasa agar proses komunikasi dapat berlangsung tanpa sebarang gangguan. Umumnya, terjemahan dimaksudkan sebagai pemindahan maklumat daripada satu bahasa (bahasa sumber) kepada bahasa yang lain (bahasa sasaran).

Dalam hal ini Brislin (1976) menyatakan bahawa;

“Translation is the general term referring to the transfer of thoughts and ideas from one language (source) to another (target), whether the languages are in written or oral form; whether the languages have established orthographies or do not have such standardization or whether one or both languages is based on signs, as with sign languages of the deaf.”

Proses menterjemah sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain merupakan perkara yang agak rumit. Tahap kepakaran yang tinggi diperlukan agar maklumat yang ingin disampaikan dapat diterima dengan mudah oleh pembaca sasaran. Tambahan pula, kewujudan kelainan dalam terjemahan menyebabkan sesuatu maklumat itu tidak dapat disampaikan ke dalam bahasa sasaran dengan tepat. Gangguan dalam proses penterjemahan ini secara tidak langsung menyukarkan komunikasi, baik secara lisan mahupun tulisan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti kelebihan yang dimiliki oleh penterjemah dengan memiliki kekuatan bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu.

## **SOROTAN KAJIAN**

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa maklumat berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji Indonesia terutamanya, dijadikan rujukan. Hal ini terjadi kerana tidak banyak kajian-kajian lepas dari pengkaji Malaysia yang diperolehi untuk memberikan input tentang sejauh mana kajian tentang kelebihan mempunyai dua bahasa; Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dalam membuat penterjemahan telah dijalankan. Secara umum bahasa mempunyai banyak fungsi. Selain sebagai pengungkap perasaan, bahasa juga berfungsi sebagai sumber untuk berkomunikasi dan yang paling penting dalam kehidupan. Selain sebagai alat untuk berkomunikasi, bahasa juga merupakan ungkapan cermin kebudayaan (Nur Anisya Agustina, 2021).

Manakala pengajaran ialah suatu sistem yang merupakan kerja sama berbagai komponen, yang terdiri daripada pensyarah, pelajar, tujuan, cara pengajaran, alat bantu pengajaran, dan penilaian. Demi tercapainya tujuan pengajaran, setiap komponen pengajaran tersebut harus diselenggara dengan baik. Salah satu tujuan pengajaran bahasa Inggeris di university-universiti adalah agar pelajar memiliki kemampuan dan keterampilan yang mampan dalam penterjemahan. Menurut Neneng Sri Wahyuningsih (2021), salah satu penyebab terjadinya hal tersebut adalah kurangnya kemampuan mahasiswa dalam menerjemahkan, khususnya dari bahasa sumber (Bahasa Melayu atau Bahasa Indonesia) ke dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Inggeris. Soltani (2020) dalam artikelnya, pernah meneliti tentang kesalahan terjemahan dalam berbagai jenis atau genre teks. Antara kesalahan terjemahan yang diperolehi adalah kesalahan leksikal dan kesalahan structural. Alat ukur dalam analisis yang dilakukan adalah dengan menggunakan taksonomi penilaian dari American Translation Association (ATA). Kesimpulannya, kesalahan yang sama yang ditemui dalam menterjemahkan teks-teks sastera tersebut.

Selain daripada itu, Phạm Thị Kim Cúc (2017) pernah menjalankan kajian berkenaan kesalahan terjemahan mahasiswa dalam jurusan bahasa Inggeris dalam menerjemahkan teks iklan/promosi yang telah diadaptasi dari bahasa Vietnam ke bahasa Inggeris. Beliau menggunakan parameter kesalahan bahasa dari Popescu (2013) yang membahagikan kesalahan terjemahan ke dalam tiga kumpulan besar, iaitu *linguistics errors*, *comprehension errors*, dan *translation errors*. Dari penelitiannya pengkaji menemui bahawa *translation errors* dan *linguistics errors* merupakan kesalahan terjemahan yang umumnya dilakukan oleh mahasiswa dalam menterjemahkan teks iklan dari bahasa Vietnam ke bahasa Inggeris. Ini juga dipengaruhi oleh keupayaan berbahasa Inggeris oleh mahasiswa tersebut. Silalahi, Rafli, dan Rasyid (2018) dalam kajian, mereka telah menemui beberapa lagi kesalahan yang dilakukan oleh penterjemah dalam penterjemahan disebabkan factor kelemahan bahasa Inggeris. Mereka menkategorikan kesalahan terjemahan ke dalam tiga kategori, iaitu kesalahan leksikal, kesalahan morfologikal dan kesalahan sintaksis. Kajian mereka juga menunjukkan mahasiswa kurang memahami teks yang diterjemahkan dan kurangnya kosakata yang dimiliki.

Bertitik tolak daripada sorotan kajian di atas, kajian ini ingin mengenal pasti dan membincangkan penterjemahan sajak dan teks bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu secara berkumpulan dalam kalangan pelajar universiti.

## **METODOLOGI**

Merujuk kepada objektif kajian ini, data yang di kumpul adalah berbentuk kualitatif. Tugas-tugas pelajar yang mengambil kursus penterjemahan di sebuah universiti awam telah digunakan sebagai alat kajian untuk kajian ini. Pelajar-pelajar diarahkan untuk membuat tugas secara berkumpulan dan diminta untuk menganalisis sajak dan teks yang bahasa sumbernya ialah bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu. Sajak-sajak yang dipilih oleh pensyarah ialah *Shall I Compare Thee to a Summer's Day* (William Shakespeare), *The Road Not Taken* (Robert Frost), *MH17* dan *Farewell* (Malachi Edwin). Manakala teks yang berikan kepada para pelajar ialah *Scrapping of UPSR gets mixed reactions*. Untuk tugas sajak, para pelajar diminta untuk membuat pembentangan manakala untuk tugas teks pelajar-pelajar diminta untuk membuat analisis bertulis. Data-data yang perolehi di analisis menggunakan kaedah perbandingan kualiti hasil analisis yang telah dibuat oleh para pelajar. Kesalahan-kesalahan dalam menganalisis teks sumber di ambil kira begitu jуда dengan kesalahan-kesalahan istilah, makna dan diksi dan struktur ayat yang dipilih ketika membuat terjemahan.

## Keputusan dan Perbincangan

2) Sajak

Jadual 1: Sajak yang dipilih mengikut kumpulan

Kumpulan	Sajak yang dipilih
K1	<i>Shall I Compare Thee to a Summer's Day</i> (William Shakespeare)
K2	<i>The Road Not Taken</i> (Robert Frost)
K3	<i>MH17 dan Farewell</i> (Malachi Edwin)
K4	<i>Shall I Compare Thee to a Summer's Day</i> (William Shakespeare)
K5	<i>MH17 dan Farewell</i> (Malachi Edwin)
K6	<i>The Road Not Taken</i> (Robert Frost)

Kesalahan-kesalahan yang dilakukan

Jadual 2: Kesalahan-kesalahan dan contoh yang dibuat

Kumpulan	Kesalahan	Contoh
K1	Pemilihan kaedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah harfiah/kata demi kata</li> <li>• 'more temperate'= lebih panas</li> </ul>
	Makna/diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'complexion 127em'd'= muka kusam</li> <li>• 'eternal summer shall not fade'= musim panas yang akan pudar</li> </ul>
	Struktur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'Death brag thou wanders'est in shade'= kematian yang akan menunggu mu</li> </ul>
K2	Pemilihan kaedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah terjemahan bebas</li> </ul>
	Makna/diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'yellow wood'= kayu kuning</li> </ul>
	Struktur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 'long I stood'= Panjang sudah saya berdiri</li> <li>• 'morning equally lay'= pagi yang cerah dan nyaman</li> <li>• "I shall be telling this with a sigh'= saya akan memberitahu ini dengan sedih</li> <li>• 'and that has made all the difference'= keputusan</li> </ul>

K3	Istilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘spirits’= spirit</li> <li>• ‘choir’= koir</li> </ul>
K4	Makna/diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘buds of May’= anak bunga di bulan Mei</li> <li>• ‘nature’s changing course’= keadaan yang beralih arah</li> </ul>
	Istilah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘darling’= darling</li> </ul>
K5	Pemilihan kaedah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaedah harfiah/kata demi kata</li> </ul>
	Makna/diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘a field of sunflowers’= sepadang bunga matahari</li> </ul>
	Struktur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘unfathomable’= (tiada terjemahan)</li> <li>• ‘inconsolable’= (tiada terjemahan)</li> <li>• ‘a gust of sands sends us away’= pasir yang menghalau kami pergi’</li> </ul>
K6	Makna/diksi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ‘and took the other as just as <b>fair</b>’= mengambil yang seimbang</li> <li>• ‘trodden black’= berwarna hitam</li> <li>• ‘grassy and wanted wear’= berumput dan kotor</li> <li>• ‘morning equally lay’= pagi yang sunyi</li> </ul>

Jadual 1 dan jadual 2 di atas menunjukkan sajak-sajak yang dilihat sendiri oleh ahli-ahli kumpulan tersebut. Pensyarah hanya memberikan senarai sajak dan pelajar-pelajar membuat pilihan sendiri. Dengan itu, sepatutnya para pelajar telah terdahulu berbincang dan membuat sedikit kajian tentang sajak yang dipilih. Akan tetapi, semasa membuat pembentangan didapati pelajar-pelajar banyak melakukan kesalahan dalam membuat analisis kaedah yang digunakan dan juga kesalahn didalam penterjemahan. Kumpulan 3 adalah kumpulan yang kurang sekali membuat kesalahan. Pemilihan kaedah yang tepat dan penterjemahan untuk sajak MH17 dan Farewell juga baik. Kumpulan 3 hanya melakukan kesalahan istilah. Kumpulan seterusnya yang tidak banyak melakukan kesalahn ialah kumpulan 4. Kumpulan ini hanya membuat kesalahan makna/diksi dan penggunaan istilah. Jika dibandingkan kepanjangan sajak, sajak Robert Frost adalah lebih Panjang dari sajak pilihan kumpulan 3. Kumpulan 4 adalah berani menanggung risiko di sini.

Kumpulan 2 adalah yang paling banyak melakukan kesalahan. Mereka melakukan kesalahan kaedah, makna/diksi dan struktur. Disebabkan kaedah yang dipilih adalah kaedah terjemahan bebas, ahli-hali kumpulan ini sepakat melakukan banyak terjemahan yang tidak tepat dengan Bahasa sumber. Antaranya adalah seperti berikut ‘yellow wood’= kayu kuning, ‘long I stood’= Panjang sudah saya berdiri, ‘morning equally lay’= pagi yang cerah dan nyaman, ‘I shall be telling this with a sigh’= saya akan memberitahu ini dengan sedih dan ‘and that has made all the difference’= keputusan. Begitu juga dengan kumpulan 1 dan kumpulan 5. Kedua-dua kumpulan ini banyak melakukan kesalahan makna/diksi dan struktur ayat. Selain daripada itu pemilihan kaedah juga dilihat sebagai kurang tepat. Antara contoh yang dibuat oleh kumpulan 1 ialah, ‘more temperate’= lebih panas, ‘complexion 128em’d’= muka kusam dan ‘eternal summer shall not fade’= musim panas yang akan pudar. Contoh kepada kesalahan struktur pula ialah ‘Death brag thou wanders’est in shade’= kematian yang akan menunggu mu. Kumpulan 5 juga gagal memberikan terjemahan kepada beberapa perkataan contohnya ‘unfathomable’ dan ‘incosolable’. Kumpulan 6 pula hanya melakukan satu jenis kesalah tetapi pelbagai. Kesalahn yang dilakukan adalah kesalahan makna/diksi dan ini adalah antara contoh-contohnya; ‘and took the other as just as **fair**’=

mengambil yang seimbang, ‘trodden black’= berwarna hitam, ‘grassy and wanted wear’= berumput dan kotor dan ‘morning equally lay’= pagi yang sunyi.

2) Teks

Jadual 3: Kesalahan-kesalahan yang dilakukan ke atas teks yang diterjemahkan

Kumpulan	Kesalahan	Contoh
K1	Struktur (pada tajuk)	‘Scrapping of UPSR gets mixed reaction’= Pemansuhan UPSR memberikan Reaksi Berbeza
	Makna/diksi	‘abolish’= pembuangan ‘wholesome education’= pembelajaran menyeluruh ‘skewed towards producing As’= menjurus kearah <b>as</b> ‘big examinations caused teachers to heavily focus on preparing students’= peperiksaan yang besar telah membuatkan guru kurang <b>129eman</b> kepada pelajar-pelajar lain
	Stuktur dan Istilah	
K2	Struktur (pada tajuk)	‘Scrapping of UPSR gets mixed reaction’= Pemansuhan UPSR mendapat pelbagai Reaksi
	Struktur- padanan tidak sejadi	‘The union has been fighting for the abolition of the national exam for more than five years’= Kesatuan ini telah memperjuangkan pemansuhan peperiksaan kebangsaan selama lebih dari lima tahun.  ‘evaluation of students must not be abandoned and some other forms of assessment is needed’= penilaian pelajar tidak boleh ditinggalkan dan beberapa bentuk penilaian lain diperlukan.
K3	Penterjemahan yang baik	
K4	Struktur- ayat yang tergantung	‘the goal of primary education is the mastery of the basics such as reading, writing and arithmetic and with the mastery of the basics’= tujuan utama 129emantic129c sekolah rendah adalah untuk menguasai asas-asas
	Struktur= tertinggal perkataan	‘UPSR is so skewed towards producing As but neglects wholesome education’= UPSR cenderung kepada penghasilan namun ia mengabaikan Pendidikan yang baik
K5	Struktur- tatabahasa yang salah	‘the ministry would introduce an alternative method to evaluate students who are supposed to sit for the two major examinations’= sistem

		alternatif akan diwujudkan untuk pelajar-pelajar mengambil peperiksaan
		‘The whole system is geared towards achieving academic excellence and nothing else’= sistem keseluruhan menjerus kepada para pelajar
		‘frustrated and feels that the sudden decision would cause stress and confusion to students, teachers and parents’= perasaan kecewa yang akan membawa kepada tekanan dan kekeliruan yang tinggi.
K6	Struktur- makna/diksi yang salah	‘the public exam only added pressure on students to get good results but <b>neglected</b> “ <b>wholesome education</b> ”= peperiksaan awam telah memberikan tekanan kepada pelajar untuk mendapatkan keputusan yang baik tetapi membiarkan pembelajaran yang keseluruhan

Jadual 3 di atas menunjukkan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan dalam membuat penterjemahan ke atas sebuah teks yang bertajuk *Scrapping of UPSR gets mixed reactions*. Walaupun ini adalah tugas penulisan yang pertama, setelah banyak Latihan diberi dan dibuat oleh para pelajar, kualiti penterjemahan mereka dianggap baik. Kumpulan 3 seperti tugas sajak, tidak melakukan kesalahan pada penterjemahan mereka. Kualiti penterjemahan amatlah baik. Apabila ditanya, dua daripada tiga ahli kumpulan dari kumpulan 3 mempunyai latarbelakang Bahasa Inggeris yang baik. Manakala kumpulan-kumpulan yang lain tetap melakukan beberapa kesalahan. Kumpulan 5 dan kumpulan 6 adalah antara yang sedikit melakukan kesalahan dan kesalahan mereka adalah tertumpu kepada struktur- tatabahasa dan makna/diksi yang salah. Antara contohnya seperti yang dinyatakan di atas ialah ‘frustrated and feels that the sudden decision would cause stress and confusion to students, teachers and parents’= perasaan kecewa yang akan membawa kepada tekanan dan kekeliruan yang tinggi dan ‘the public exam only added pressure on students to get good results but **neglected** “**wholesome education**”= peperiksaan awam telah memberikan tekanan kepada pelajar untuk mendapatkan keputusan yang baik tetapi membiarkan pembelajaran yang keseluruhan.

Kumpulan 1 melakukan paling banyak kesalahan dan diikuti oleh kumpulan 2. Kumpulan 1 telah menulis terjemahan tajuk yang salah selain kesalahan makna/diksi pada perkataan ‘abolish’, ‘wholesome’ dan ‘skewed’, mereka juga menggunakan istilah asing ‘fokus’ tanpa menukarkan kepada istilah Bahasa Melayu sendiri iaitu ‘perhatian’. Selain daripada itu, kumpulan 2 telah didapati membuat kesalahan struktur- padanan tidak sejadi iaitu padanan yang tidak tepat pada beberapa perkataan di dalam ayat yang diterjemah. Akhir sekali, kumpulan 4 telah melakukan kesalahan struktur ayat tergantung dan struktur tertinggal perkataan. Ini berkemungkinan besar tidak sengaja di lakukan, namun penyuntingan dan pemurnian harus dilakukan oleh ahli kumpulan sebelum menghantar tugas untuk dinilai oleh pensyarah dan itu juga adalah salah satu daripada proses penterjemahan menurut Teori Nida (1964).

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, hasil kajian mendapati bahawa bilangan kesalahan dan jenis kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar kelas penterjemahan ini amatlah bergantung kepada kekuatan kedua-dua bahasa mereka. Hasil kajian ini juga mendapati bahawa teks sumber baik sajak mahupun teks adalah dari bahasa Inggeris untuk diterjemahkan kepada bahasa sasarannya iaitu bahasa Melayu. Kemampuan para pelajar dalam memahami sajak dan teks yang ditulis dalam bahasa asing itu amatlah diperlukan. Bagi pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dalam memahami bahasa Inggeris akan melakukan banyak kesalahan pada penterjemahan mereka. Keputusan kajian ini didapati hampir sama dengan kajian yang dilakukan oleh Bednárová-Gibová (2021) di mana, penterjemah dapat menghasilkan terjemah yang bermutu dengan kepakaran dalam dua dan lebih bahasa. Kajian ini juga menyokong kajian yang dijalankan oleh Omona & Groce (2021) di mana penterjemahan teks perlu mempunyai hasil yang berkualiti supaya pembaca tidak akan keliru dan akhirnya tidak memahami mesej yang ingin disampaikan. Pelopor-pelopor dalam bidang penterjemahan ini sebulat suara menyatakan penterjemah yang baik mesti menguasai bahasa sumber dan bahasa sasaran sebaik mungkin termasuk segala aspek linguistic bahasa sumber (khususnya aspek semantik) (Newmark, 1981). Dengan ini pengkaji berpendapat bahawa, kekuatan kedua-dua bahasa itu perlu wujud terutamanya kepada para pelajar. Namun begitu, sekiranya itu adalah kekurangan yang ada pada pelajar, maka kekuatan harus disandarkan kepada pihak pensyarah. Pensyarah yang mengajar kursus ini haruslah yang mahir pada kedua-dua bahasa ini. Sebagai cadangan, kursus di seharusnya diajar oleh pensyarah yang berkebolehan dwi-bahasa.

## **RUJUKAN**

- Asmah Haji Omar. 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bednárová-Gibová, K. (2021) How happy are legal translators at their work? Further findings from a cognitive–affective enquiry. Vol 14  
<https://doi.org/10.1080/14781700.2021.1918233>
- Brislin, R. W. (1976). *Translation: Application and Research*. New York: Gardner Press Inc.
- Krashen, S. D. (1989). We acquire vocabulary and spelling by reading: Additional evidence for the input hypothesis. *The Modern Language Journal*, 73, 440-464
- Newmark. P. 1981. *Approaches to translation (Language Teaching Methodology)*. Oxford: Pergamon Press. Pp. 213
- Nida. E. A. 1964. *Toward a Science of Translating*. Leiden: E. J. Brill, 1964.
- NS Wahyuningsih. 2021. Analisis kesalahan terjemahan teks panduan dari bahasa Indonesia ke bahasa Inggeris. *Lingua: Jurnal Ilmiah*, 2021
- Nur Anisya Agustina Bidari. 2021. Analisis kesalahan makna pada terjemahan (Arab-Indonesia) Santriwati Kelas III Reguler a TMI-Al-Amien Prenduan Sumenep. *Al-Ibrah*. Vol. 6 No. 1 Jun 2021
- Omona, J. and Groce, N. (2021) Translation and research outcomes of the Bridging the Gap project: A case of the Luo language, spoken in northern Uganda. *Translation studies*. Vol 14 <https://doi.org/10.1080/14781700.2021.1888784>
- Pham Thi Kim Cuc. (2017) An analysis of translation errors: a case study of Vietnamese EFL students. *International Journal of English Linguistics* 8(1):22
- Popescu. T. 2013. A corpus-based approach to translation error analysis. A case study of Romanian EFL Learners. *Procedia- Social and Behavioural Sciences* 83:242-247
- Soltani, Fatemeh, Azadeh Nemati, Mortaza Yamini. (2020). *An analysis of translation errors*



*in 5 literary genres based on American translation association (ATA) framework* (diunduh pada 6 Februari 2020 dari artikel 1799732 | received 10 Jun 2020, accepted 19 Jul 2020, published online: 09 Aug 2020).

- Silalahi, Mardin, Zainal Ramli, Yumna Rasyid. (2018). The analysis of errors in translation of scientific text from English to Indonesian language, March 2018. *JETL (Journal of Education Teaching and Learning)* 3(1):23.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). Bahasa melayu II. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd.